



KERATAN AKHBAR

25 Nov 2020 (Rabu)

Berita Harian

Gamuda Land bina persekitaran lebih baik untuk masa depan	1
Dua bengkel haram diroboh	2

Harian Metro

Kes di Selangor meningkat berkait kluster tempat kerja	3
Seorang staf LZS sah positif Covid-19	4
Gangguan dah sampai Kuala Selangor	5
Roboh 2 kilang jentera haram	6
FoR pelihara , pulihara sungai	7
Sama setia 17 tahun	8

Kosmo

Kejadian ketukan pintu makin misteri	9
Pekerja LZS disahkan positif Covid-19	10

Sinar Harian

Dah 'merebak' ke Kuala Selangor	11
Dua struktur haram di pinggir Sungai Rawang dirobohkan	12
Penceroboh tanah kerajaan akan diambil tindakan	13

RTM1

8 Kilang Haram Dirobohkan - Struktur Binaan Didirikan Berhampiran Sungai	14
Tangani Pencemaran Sumber Air - 2 Kilang Haram Berhampiran Tebing Sungai Diroboh	15

Selangor TV

Dua Kilang Haram Tepi Sungai Diroboh, Enam Lagi Menyusul	16
Karnival Kerjaya Tidak Diskriminasi Latar Belakang – EXCO	17
Peruntukan RM116,000 Manfaat 29 Rumah Anak Yatim Dan Kebajikan Selangor	18
Pindaan Enakmen LUAS Kuat Kuasa Dalam Tempoh Sebulan	19
Pindaan Enakmen LUAS Lulus Dalam Tempoh Sebulan	20
PKP Susah Dapat Dana, Bantuan Kerajaan Negeri Tepat Masanya	21
Pusat Khidmat Bandar Utama Ditutup, Pegawai Disyaki Positif Covid-19	22
RM100,000 Bina Ban, Atasi Banjir Kampung Sungai Balak	23
Roboh Bengkel, Kilang Haram Ikut Peraturan Kanun Tanah Negara	24
Tidak Diskriminasi Latar Belakang Peserta Karnival Kerjaya	25

The Star

S'gor acts against illegal factories on riverbanks	26
Fear rising in Klang amid glove factory cluster	27
Playground gets upgrade	28
Bosses must inform officials if any worker tests positive	29
Better drainage capacity	30

China Press

Should be decisive, residents are worried about the spread of infection chain, factories closed for screening	31
An LZS employee diagnosed with Covid-19	32
PJ City Councillor Leong Chee Cheng diagnosed with Covid-19, service center closed for 2 weeks	33



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



High-tech river purification method, waiting for the final report of the laboratory	34
Rajiv Service Center cooperates with clinic, only RM70 for the test kit	35
Gombak Land and District Office demolished 2 illegal heavy machinery factories	36
Sin Chew Daily	
Amirudin: Due to river pollution happen frequently, "Eliminate all illegal factories along the river"	37
Selangor 6 parties cooperate to demolish 2 illegal factories in Kg Dato Lee Kim Sai	38
Food and beverage industry can operate till 12am; Night club haven't open, and worry have no crowds	39
Nanyang Siang Pau	
PDTG collaborated with several units; 2 illegal factories near Sungai Rawang dismantled	40
Rajiv collaborates with 2 clinics again to distribute KRTK Antigen	41
Environment Minister : Life sentence for polluting water supply; 2 people charged under SOSMA laws for first time	42
1511 people from Top Glove factory; 2188 new Covid-19 cases mark another record high	43
Another hotel used as a quarantine centre; Klang residents worry	44
Guang Ming Daily	
Prevent the river from being polluted again,	45
Selangor demolished 2 illegal factories	
RTM2	
8 Kilang Haram Dirobuhkan Struktur Binaan Didirikan Berhampiran Sungai	46



KERATAN AKHBAR		
25 November 2020		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Gamuda Land bina persekitaran lebih baik untuk masa depan
Muka Surat	:	9

Gamuda Land bina persekitaran lebih baik untuk masa depan

Model contoh entiti perniagaan bertanggungjawab, telus promosi kelestarian

Oleh Fahmy A Rosli
 fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tanggungjawab menjaga dan memelihara alam semula jadi adalah kewajiban segenap masyarakat Pembangunan dilakukan atas kehendak dan keperluan manusia, seharusnya seiring matlamat pembangunan lestari (SDG) supaya biodiversiti dapat dilekalkan serta boleh dinikmati generasi akan datang.

Komitid terhadap usaha itu adalah pemaju hartanah Gamuda Land, sejak bandar pertamanya, Kota Kemuning dibangunkan pada 1995.

Baru-baru ini, syarikat itu menubuhkan Gamuda Parks dengan visi dan misi, mempromosikan kelestarian dalam kawasan perbandaran dibangunkan.

Inisiatif ini merangkumi Dasar Biodiversiti Gamuda Parks yang diaplikasikan sebagai panduan dan dibangunkan melalui pengalangan serta proses pembangunan sejak 25 tahun lalu.

Memperkayakan alam sekitar

Ketua Pegawai Operasi Gamuda Parks, Khariza Abd Khalid, berkata pihaknya bermatlamat membina persekitaran lebih baik untuk masa depan dengan konsep hidup harmoni di habitat sama, antara manusia dan alam semula jadi yang bersandarkan tiga teras fokus, iaitu inovasi hijau, pembangunan lestari serta komuniti lestari.

"Gamuda Parks adalah inisiatif Gamuda Land. Kami mula melihat pengurusan landskap, ekosistem persekitaran hijau, peng-

urusan ekosistem flora, pengurusan kualiti air dan bahan buangan serta kolam tanah lembap.

"Menerusi pelaksanaan program hijau yang kami jalankan dan dasar biodiversiti hasil tindakan, pentadbiran Gamuda Land memikirkan semula pendekatan kelestarian serta melihat pengurusan dan penyelenggaraan landskap melangkaui kebiasaannya," katanya.

Khariza berkata, memulihara kelestarian ekosistem bukan semata-mata menghijaukan kawasan, tetapi merangkumi faktor persekitaran holistik seperti akses air bersih, degradasi ekosistem, perubahan iklim, sosial, kelestarian ekonomi dalam komuniti serta menerajui kesenambungan perniagaan yang mengamalkan tadbir urus baik.

Antara program Gamuda Parks yang masih berjalan sehingga sekarang, termasuk pengurusan sisa makanan, program pemuliharaan alam sekitar, libat urus dengan komuniti Orang Asli dan menubuhkan GParks Nature School (Sekolah Alam GParks).

Audit biodiversiti juga dijalankan di beberapa kawasan seperti di Paya Indah Discovery Wetlands dekat Dengkil, Selangor bersebelahan Gamuda Cove yang menemukan banyak spesies burung unik serta jarang ditemui di persekitaran berkenaan.

Kata Khariza, pihaknya turut berkolaborasi dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli serta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dalam bidang yang boleh dimanfaatkan bersama di kawasan berkenaan.

Pendekatan holistik

"PERHILITAN, kerajaan Selangor dan Gamuda Land membaiki pulih, menambah baik serta mempertingkatkan kemudahan dan aktiviti sambil mengekalkan sifat *rustic* atau kedesaan di ka-



2,218 kanak-kanak direkrut sebagai renjer Gparks.



Inisiatif Gamuda Parks termasuk pengurusan sisa makanan.

wasan tanah lembap yang indah.

"Kita berusaha memastikan pembangunan dan pemuliharaan alam semula jadi boleh disingkatkan dalam usaha menambah baik kualiti kehidupan untuk manusia sejagat, secara lestari," katanya.

Berdasarkan data terkini Gamuda Parks, di bawah inovasi hijau, pihaknya mengutip 20,537 me-

ter padu sisa kebun bersamaan 3,000 kilogram (kg) pembebasan gas karbon dioksida, sekali gus berjaya menjimatkan kos pengangkutan pelupus sisa RM16,520. Malah, menghasilkan 90kg baja kompos dan mengumpul 7,700kg sisa fabrik.

Di bawah fokus pembangunan lestari pula, 281,200 pokok ditanam di perbandaran Gamuda Land, serta usaha pemuliharaan kawasan tanah lembap, program pendidikan alam sekitar, menanam 50 peratus spesies asli, program rehabilitasi dan penanaman minimum lima peratus spesies pokok terancam.

Antara langkah dilakukan dalam fokus komuniti lestari adalah peningkatan kemahiran pelitup muka dengan Orang Asli dan mengenai benih liar serta pokok perubatan.

Seramai 2,218 kanak-kanak berusia enam hingga 12 tahun direkrut sebagai renjer Gparks. Mereka akan terlibat dengan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan kesukarelawan sebagai pendedahan serta pendidikan awal mengenai kepentingan menjaga alam semula jadi.

Menuju masa depan lebih cerah

Sementara itu, inisiatif itu dipuji pakar ekologi, Dr Christine Fletcher yang menyifatkan ia bukan sekadar program tanam pokok, pendidikan alam semula jadi dan amalan kecekapan tenaga.

"Ia melangkaui usaha membina, memulihara ruang hijau dalam sistem tertutup dan perubahan oleh Gamuda Parks boleh di-

rasai serta memanfaatkan komuniti sekitar.

"Usaha mereka terpuji dan boleh bergelar contoh sebagai entiti perniagaan yang bertanggungjawab dan telus.

"Sememangnya, ia memerlukan komitmen dan kumpulan yang berdedikasi untuk melonjak agensi kelestarian," katanya.

Ketua Program Biodiversiti Flora Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Richard Chung, pula berkata apa yang dilakukan Gamuda Parks mengahla ke arah betul.

"Mereka minta nasihat kawasan mana perlu dilindungi, mana yang boleh untuk mereka bangunkan dan apa boleh dilakukan supaya ia lebih baik.

"Saya percaya mereka dapat membina suasana persekitaran menyenangkan, boleh didiami untuk komuniti," katanya.



Khariza Abd Khalid



281,200 pokok ditanam di perbandaran Gamuda Land.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 November 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Dua bengkel haram diroboh
Muka Surat	:	24

Dua bengkel haram diroboh

Operasi sebagai langkah elak pencemaran Sungai Rawang berulang

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
 yusri.muzamir@bh.com.my

Rawang: Dua daripada lapan premis yang dikenal pasti beroperasi secara haram sekitar tebing Sungai Rawang dekat Kampung Dato Lee Kim Sai di sini, dirobohkan dalam operasi bersepadu, semalam.

Premis itu, masing-masing sebuah bengkel dan stor simpanan jentera berat dirobohkan dalam Op Bersepadu Perobohan Kilang Haram dijalankan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selangor (MPS).

Kedua-dua premis yang terletak sebelah menyebelah dan dimiliki individu berlainan itu dibina dengan struktur separa kekal serta sementara di atas tanah berkegunaan kira-kira 0.93 hektar; selain dipercayai beroperasi lebih 15 tahun.

Enam lagi premis beroperasi secara haram di kawasan itu, masing-masing empat stor menyimpan jentera berat dan dua kilang kitar semula, dipercayai dibina atas tanah rizab sungai milik kerajaan Selangor.

Keseluruhan premis terbabit sudah diarah menghentikan operasi masing-masing, selain berdepan kemungkinan didakwa di

mahkamah, jika ingkar arahan. Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata operasi mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara itu adalah langkah pencegahan bagi mengelak pencemaran sungai daripada berulang.

Belliau berkata, operasi itu dilancarkan di kawasan seliaan MPS terlebih dahulu susulan lokasi kejadian pencemaran sungai baru-baru ini dan akan diperluas ke daerah lain dalam tempoh terdekat.

Selain itu, katanya, tindakan lanjut ke atas pemilik atau pengurus keseluruhan premis haram itu akan dibuat selepas keseluruhan operasi berkenaan dimuktamadkan.

"Kita juga bawa Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk kenal pasti ada bahan kimia berbahaya atau buangan berjadual yang tidak diuruskan dengan betul di premis terbabit.

"Operasi merobohkan enam lagi kilang haram berhampiran kawasan ini akan dilakukan dalam satu atau dua minggu lagi," katanya pada sidang media selepas mendengar taklimat di Pejabat MPS di sini, semalam.

Pada 8 September lalu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menitahkan tindakan



Operasi merobohkan bengkel dan stor haram menyimpan jentera berat dijalankan anggota MPS di Kampung Dato Lee Kim Sai, Rawang, semalam. (Foto Asyraf Hamzah /BH)

penguatkuasaan lebih tegas bagi memastikan rumah dan kilang haram, terutama berhampiran tebing sungai dirobohkan kerana berpotensi mencemarkan sungai di Selangor.

Baginda turut menzahirkan rasa dukacita terhadap kesan terpaksa ditanggung rakyat Selangor susulan kejadian gangguan beka-

lan air tidak berjadual.

Dalam pada itu, Amiruddin berkata, pemilik premis terbabit tidak ditawarkan menyertai program pemutihan kilang haram berikutan operasi perniagaan mereka dilakukan atas tanah milik kerajaan negeri.

"Mereka tidak terbabit (program pemutihan) kerana (menduduki) bukan tanah mereka. Pemutihan ditawarkan kepada pemilik persendirian yang tidak menukarkan syarat tanah masing-masing.

"Kalau atas tanah kerajaan memang kita akan suruh keluar atau mereka perlu memohon kepada kerajaan negeri. Tetapi kalau atas rizab sungai memang kita tak benarkan sama sekali," katanya.

Sementara itu, EXCO Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian yang melawat lokasi operasi itu menjang-

kakan keseluruhan operasi berkenaan dapat diselesaikan dalam tempoh sebulan.

Katanya, operasi itu dibuat secara berperingkat, selain memfokuskan bengkel jentera berat ekoran kerja mencuci menggunakan bahan pelarut dan pembuangan secara terus ke sungai.

"Pembuangan sisa dari kilang ini (dua premis dirobohkan) juga dikenal pasti tidak mematuhi standard ditetapkan JAS dan ia kerap dilakukan sebelum ini.

"Kerajaan negeri sudah beri notis kepada pemilik sejak September lalu, tetapi mereka beri alasan untuk kekal beroperasi di lokasi sama.

"Kita juga mengeluarkan kompaun kepada pemilik premis, selain jentera mereka disita dengan jumlah sitaan akan dimaklumkan selepas inventori siap nanti," katanya.

Operasi merobohkan enam lagi kilang haram berhampiran kawasan ini akan dilakukan dalam satu atau dua minggu lagi.

Amirudin Shari,
Menteri Besar Selangor



KERATAN AKHBAR
25 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kes di Selangor meningkat berkait kluster tempat kerja
Muka Surat	:	10

Kes di Selangor meningkat berkait kluster tempat kerja

Kuala Lumpur:

Peningkatan mendadak kes positif Covid-19 di Lembah Klang dan Selangor kebelakangan ini adalah berkaitan kluster tempat kerja.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga semalam, terdapat 119 kluster tempat kerja dengan 83 kluster masih aktif dan 36 kluster diisytihar tamat.

“Sejumlah 77,201 individu disaring dan 12,079 kes dikesan positif Covid-19 membabitkan 4,398 kes warganegara dan 7,681 kes bukan warganegara.

“Lima kluster tempat kerja yang mencatatkan kes tertinggi adalah Kluster Teratai dengan 4,036 kes positif Covid-19, Kluster Damanlela (1,539 kes),

Kluster Cergas (1,337 kes), Kluster Hentian (1,101 kes) dan Kluster Kaya (900 kes),” katanya pada kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang dilaksanakan adalah untuk menjaga kepentingan kesihatan serta ekonomi.

Bagaimanapun, katanya, kejayaan strategi itu memerlukan kerjasama majikan bagi memastikan semua amalan pekerjaan dan pekerja sentiasa patuh prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

“Bagi industri yang menggunakan ramai tenaga kerja dalam kalangan bukan warganegara, majikan

bertanggungjawab menyediakan tempat kediaman kondusif serta memastikan pekerja mengamalkan langkah pencegahan penularan Covid-19.

“Amalan boleh dilakukan adalah pemeriksaan suhu badan memasuki tempat kerja, penyediaan tempat mencuci tangan, kerap melaksanakan proses pembersihan dan pembasmian kuman, amalan jarak sosial, memastikan pekerja tidak berkumpul di ruang sempit dan elakkan terlalu ramai pekerja bersama pada satu masa,” katanya.

Beliau meminta pihak majikan untuk memainkan peranan lebih besar bagi bersama-sama menangani penularan Covid-19 di Malaysia.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 November 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Seorang staf LZS sah positif Covid-19
Muka Surat	:	12

Seorang staf LZS sah positif Covid-19

Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengesahkan seorang kakitangan yang bertugas di ibu pejabatnya di Seksyen 13 positif Covid-19.

LZS dalam satu kenyataan memaklumkan, kakitangan itu disahkan positif Covid-19 kelmarin selepas menjalani ujian saringan pada Khamis lalu dan kini menjalani rawatan di hospital.

"Sebelum ini, kakitangan berkenaan dikesan sebagai

kontak rapat kepada keluarganya terdekat dan pihak pengurusan LZS mengarahkan beliau menjalani kuarantin sendiri selama 14 hari di rumah sejak 11 November lalu.

"Sepanjang tempoh kuarantin, kakitangan berkenaan tidak hadir ke pe-

jabat dan tidak berurusan dengan mana-mana warga kerja lain serta pelanggan.

"LZS bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memastikan semua tindakan bagi mencegah penularan pandemik Covid-19 dilaksanakan segera," kata kenya-

taan itu.

Dalam pada itu, LZS juga memaklumkan, proses disinfeksi secara menyeluruh dilaksanakan di kawasan kerja yang terbabit mengikut garis panduan ditetapkan.

Menurut kenyataan itu lagi, pelanggan berurusan di LZS dinasihatkan mematuhi tatacara operasi piawai ditetapkan di semua cawangan premis institusi berkenaan.

“
Kakitangan
berkenaan
dikesan kontak
rapat keluarga
terdekat
LZS



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 November 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Gangguan dah sampai Kuala Selangor
Muka Surat	:	16

Gangguan dah sampai Kuala Selangor

Tanjong Karang: Bunyi ketukan pintu misteri yang menghantui penduduk Sabak Bernam sejak seminggu lalu kini melanda Tanjong Karang dan Kuala Selangor hingga menimbulkan ketakutan kepada penduduk.

Penduduk di Kampung Parit 3, Sungai Burong, di sini, Anuar Anal, 43, mendakwa diganggu ketukan di pintu hadapan rumahnya jam 1 pagi, Ahad lalu.

Anuar berkata, kejadian disedari ketika beliau berada di bilik utama selepas membuang air kecil.

"Belum sempat saya memejamkan mata, saya dikejutkan dengan bunyi ketukan yang laju sebanyak empat kali.

"Saya kemudian pergi ke pintu dan mengintai dari celah bawah pintu serta tingkap. Tetapi, tiada siapa di depan rumah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Anuar yang juga pekerja Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) berkata, bimbang individu tidak bertanggungjawab melakukan gangguan itu, dia menunggu seketika sebelum menyambung tidur pada jam 1.15 pagi.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Roboh 2 kilang jentera haram
Muka Surat	:	16

Roboh 2 kilang jentera haram

Rawang: Dua kilang jentera berat haram di Kampung Dato Lee Kim Sai di sini, yang beroperasi sejak lebih 15 tahun lalu diroboh pihak berkuasa, jam 10 pagi semalam.

Sebelum ini pihak berkuasa sudah memberi banyak notis kepada pemiliknya untuk menghentikan operasi, namun tidak dihiraukan.

Sebelum diroboh, pihak berkuasa turut menyita barangannya.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, operasi itu diketuai Pejabat Tanah dan Galian Daerah (PTG) Gombak bersama Majlis Perbandaran Selayang



KERJA merobohkan dua kilang jentera berat haram dijalankan MPS di Kampung Dato Lee Kim Sai, Rawang, semalam.

(MPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Tindakan perobohan terhadap struktur yang dibina tanpa kebenaran di atas tanah kerajaan itu dilaksanakan mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara.

“Kerajaan negeri menda-

pati kilang ini didirikan di pinggir rizab sungai dan tindakan diambil daripada senarai yang diperolehi.

“Hari ini (semalam) kami ambil tindakan terhadap dua kilang ini daripada lapangan kilang (haram) di daerah ini. Kami akan ambil tindakan sama dalam tem-

poh seminggu dua ini,” katanya pada sidang media di Pejabat MPS di sini.

Amirudin berkata, tindakan akan diambil terhadap baki kilang haram di sekitar daerah ini yang dikatakan sebagai punca pencemaran sungai seperti Sungai Gong dan Sungai Sembah.



KERATAN AKHBAR 25 November 2020		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	FoR pelihara , pulihara sungai
Muka Surat	:	35

FoR PELIHARA, PULIHARA SUNGAI

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
 asmaini@nstp.com.my

Inisiatif kerajaan negeri Selangor sempena sambutan Hari Sungai Sedunia

Kerajaan Negeri Selangor melancarkan inisiatif Friends of River (FoR) bagi memupuk rasa kebertanggungjawaban dalam kalangan komuniti setempat terhadap kebersihan sungai.

Inisiatif itu juga dilancarkan sempena sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat negeri itu, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor, Izhah Hashim berkata, kewujudan FoR di setiap sungai di negeri itu akan memberi tumpuan kepada aspek pemeliharaan dan pemuliharaan sungai oleh komuniti setempat.

Kata Izhah, ia secara tidak langsung menjadi mata dan telinga pihak berkuasa dalam memantau sebarang aktiviti membabitkan sungai serta sumber air.

Katanya, ketika ini, sebanyak 30 FoR di beberapa lembangan sungai negeri itu mengambil bahagian dan secara rasminya menjadi sebahagian daripada FoR Negeri Selangor.

"Kami percaya jumlah itu akan disusuli dengan pertambahan lebih banyak FoR secara berperingkat.

"Sebagai permulaan, kit pemantauan air sungai akan didedahkan kepada semua FoR yang terbabit secara berperingkat.

"Kit itu bagi membolehkan komuniti



KOMUNITI setempat turut turun padang menanam pokok di persisiran Sungai Klang.

mantau secara mudah kualiti air sungai di kawasan mereka," katanya ketika berucap merasmikan majlis sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat Selangor di Subang Jaya.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Urus Air Selangor, Datuk Ir Hashim Osman, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, Datuk Ir Gafar Asan dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Noraini Roslan.

Mengulas lanjut, Izhah berkata, kerajaan negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) turut memperuntukkan RMI juta tahun depan bagi mengembangkan

pelaksanaan FoR program pemeliharaan dan pemuliharaan sungai serta sumber air oleh komuniti.

Kata beliau, asas kepada inisiatif FoR adalah usaha komuniti itu sendiri dengan bantuan yang minimum daripada kerajaan.

Menurutnya, kelestarian adalah kunci kepada inisiatif itu dan ia tidak hanya sekadar bermusim atau program 'one off' sebaliknya kerajaan negeri mengharapkan setiap FoR melaksanakan aktiviti pemeliharaan serta pemuliharaan sungai secara konsisten selain berterusan.

"Contohnya aktiviti gotong royong membersihkan sungai secara berkala iaitu seminggu sekali atau dua kali sebulan.

"Menerusi elemen dan aspek inilah kerajaan negeri melalui LUAS akan menilai keperluan penyaluran peruntukan yang berkaitan untuk membantu komuniti komuniti terbabit.

"Kami mengharapakan dengan adanya peruntukan itu dapat membantu mewujudkan lebih banyak FoR di setiap anak sungai di Selangor pada masa akan datang," katanya.

Pada majlis sama, Izhah bersama tetamu kehormat lain turut menanam pokok dan melepaskan benih ikan patin ke Sungai Klang.

Tetamu jemputan turut menyertai komuniti setempat membersihkan pinggir sungai.



IZHAM (tengah) merasmikan sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat Negeri Selangor.



ANAK ikan dilepaskan ke dalam sungai ketika aktiviti gotong-royong FoR sempena Hari Sungai Sedunia.



GOTONG-royong FoR dan komuniti setempat membersihkan kawasan Sungai Klang sempena sambutan Hari Sungai Sedunia.



IZHAM dan Noraini menanam pokok sempena sambutan Hari Sungai Sedunia peringkat negeri Selangor, baru-baru ini.

Sebagai permulaan, kit pemantauan air sungai akan didedahkan kepada semua FoR yang terbabit secara berperingkat

IZHAM



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 25 November 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sama setia 17 tahun
Muka Surat	:	35

SAMA SETIA 17 TAHUN

Pembantu rumah kepada Adun Jeram ini bersyukur mendapat majikan sangat memahami biarpun berbeza agama

Oleh Abnor Hamizam
 Abd Manap
 rencana@hmetro.com.my

Wanita ini antara yang bertuah kerana mempunyai majikan yang bertanggungjawab dan sering menjaga kebajikannya.

Berasal dari Kampung Subang, Jawa Timur, Indonesia, Sama Soka, 65, sudah 17 tahun berkhidmat sebagai pembantu rumah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jeram Padang, Jempol, Negeri Sembilan, Datuk I. Manickam.

Malah Sama bersyukur biarpun berbeza agama namun bukan halangan buatnya kerana bebas menunaikan solat, mengaji dan berpuasa sunat atau Ramadan.

Sama turut berkongsi pengalamannya yang dibayai majikan menunaikan umrah pada 2016.

"Sepatutnya saya pergi pada 2014 tetapi ditipu ejen dari Jakarta yang menguruskan umrah berkenaan sebelum majikan sendiri menyelesaikan masalah berkenaan," katanya.

Sepanjang bertugas di rumah itu, majikan dan keluarganya tidak



FOTO: ABNOR HAMIZAM ABD MANAP

GAMBAR kenangan dirakam bersama keluarga dan majikannya.

mempunyai banyak masalah termasuk berkaitan makan minum.

Katanya pasangan suami isteri berkenaan hanya makan makanan berasaskan sayur-sayuran malah semua masakan yang dimasak adalah

halal.

"Ketika saya berpuasa, adakalanya mereka turut berpuasa dan berbuka bersama-sama bagaikan keluarga," katanya yang mempunyai dua anak sebelum seorang daripadanya meninggal dunia akibat barah payudara selain memiliki empat cucu.

Katanya majikannya itu juga setiap tahun akan 'memaksanya' pulang ke kampung halaman selama sebulan bagi menemui anak dan cucunya.

"Semua kos dibiayai Datuk sendiri namun kebiasaan apabila sudah berada di kampung, saya mahu cepat pulang ke Negeri Sembilan."

"Kebiasaannya saya akan diusik Indhu (salah seorang anak majikannya) selain berharap supaya saya tidak melupakannya sebaik tiba di kampung halaman."

"Berikutan Covid-19, tahun ini saya belum lagi pulang ke kampung malah tidak dapat menghadiri pernikahan cucu pada September lalu namun Datuk turut memberi sumbangan sebanyak RM3,500 bagi majlis berkenaan," katanya yang



DIBANTU Vimala ketika menyediakan makanan.

menghubungi keluarga apabila kelapangan menerusi panggilan video.

Setiap kali tibanya Aidilfitri dan Aidiladha dia dihiahiakan baju baharu.

"Kebiasaan pada malam sebelum sambutan, saya, Datin V Vimala dan Indhu akan memasak bersama-sama juadah kegemaran termasuk masakan dari Jawa Timur," katanya. Bagi Manickam,

Vimala, 56 dan tiga anak mereka M Mugilan, 30, Aghilan 24 dan Indhu, 22. Sama adalah pembantu rumah paling dedikasi dan amanah dalam menjalankan tugasnya.

"Saya juga turut menasihatkan anak-anak biarpun berbeza agama, setiap orang apatah lagi jika lebih tua daripada kita perlu dihormati termasuk pembantu rumah," katanya.



SAMA (kanan) menunjukkan gambar perkahwinan cucunya kepada Indhu.



KERATAN AKHBAR
25 November 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kejadian ketukan pintu makin misteri
Muka Surat	:	3

Kes di Sabak Bernam kini merebak di Kuala Selangor

Kejadian ketukan pintu makin misteri

Oleh NOR AZIHAN MD. GHAZALI

KUALA SELANGOR – Kejadian misteri ketukan pintu tanpa salam yang sebelum ini kecoh di Sabak Bernam kini mula merebak di beberapa kampung di daerah ini sekali gus membimbangkan penduduk.

Penduduk mendakwa kejadian itu dikesan berlaku di Tanjong Karang dan Kuala Selangor beberapa hari lalu.

Jarak antara Sabak Bernam dengan kawasan ini kira-kira 64 kilometer.

Salah seorang mangsa, Anuar Anal, 43, memaklumkan dia mendengar ketukan itu beberapa hari lalu ketika berada di dalam tandas utama di rumahnya di Kampung Parit 3 Sungai Burong.

"Saya terkejut mendengar ketukan kuat itu sekitar pukul 1 pagi, namun tidak syak apa-apa sebelum saya sambung tidur.

"Baru beberapa saat meletakkan mata, saya dikejutkan sekali lagi dengan bunyi ketukan kuat pada pintu hadapan rumah," ujarnya kepada *Kosmo!*

Sejurus bunyi itu jelasnya, dia bergegas mengintai dari celah bawah pintu dan langsir tingkap untuk melihat kelibat individu yang mengetuk pintu.

"Bagaimanapun saya tidak nampak bayang sesiapa di kawasan rumah.

"Pada masa sama, bulu roma saya meremang dan mula terbayangkan perkara bukan-bukan sebelum bergegas kembali ke bilik tidur," ujarnya yang juga kakitangan Majlis Daerah Sabak Bernam.

Ujarnya lagi, kejadian itu tidak didengari isteri dan tiga anaknya kerana masing-masing sedang lena.

Sementara itu, kejadian tersebut tular di saluran YouTube melalui akaun bernama Pak Nil yang mendakwa penduduk ternam-



SALAH seorang anak Anuar menunjukkan pintu utama rumah yang diketuk secara misteri di Kampung Parit 3, Sungai Burong.

pak kelibat lembaga berpakaian putih berdiri atas jalan di Kampung Kuantan, dekat sini pada awal pagi.

Menerusi video berdurasi 45 saat itu, jiran yang ternampak makhluk menakutkan di atas jalan itu telah bertindak menghubungi jiran-jiran lain.

Jiran sebelah kemudian keluar dari rumah dan ternampak kelibat sama sebelum kembali ke rumahnya.

Sejurus jiran sebelah masuk

ke rumah, pintu rumahnya pula diketuk seseorang.

Terdahulu, penduduk di empat buah kampung di Sabak Bernam dihantui misteri apabila mereka mendakwa diganggu dengan bunyi ketukan pintu rumah sejak beberapa hari lalu.

Ketukan misteri tanpa salam itu berlaku pada waktu malam sehingga awal pagi di Kampung Batu 37 Darat, Kampung Batu 38, Kampung Tengah dan Kampung Banting.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **25 November 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Pekerja LZS disahkan positif Covid-19
Muka Surat	:	4

Pekerja LZS disahkan positif Covid-19

SHAH ALAM – Seorang kakitangan di Ibu Pejabat Lembaga Zakat Selangor (LZS), Seksyen 13 di sini disahkan dijangkiti Covid-19, Ahad lalu.

LZS menerusi satu kenyataan semalam memberitahu, lelaki itu kini sedang menjalani rawatan di hospital selepas dikenal pasti sebagai kontak rapat keluarga terdekatnya.

Katanya, kakitangan itu telah diarahkan pengurusan LZS menjalani kuarantin sendiri di rumah selama 14 hari bermula 11 November lalu.

"Sepanjang tempoh itu, kakitangan tersebut tidak hadir bekerja ke pejabat dan tidak berurusan dengan mana-mana warga kerja lain termasuk pelanggan.

"Kakitangan tersebut telah menjalani saringan pada 19 November dan dia disahkan positif Ahad lalu," katanya.

Mengulas lanjut, LZS sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam memastikan semua tindakan bagi mencegah penularan Covid-19 dilaksanakan dengan segera.

"Proses disinfeksi secara menyeluruh juga telah dilaksanakan di kawasan kerja yang terlibat mengikut garis panduan yang ditetapkan.

"Pelanggan yang ingin berurusan dengan di LZS dinasihatkan untuk mematuhi garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," jelasnya.



KERATAN AKHBAR 25 November 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Dah 'merebak' ke Kuala Selangor
Muka Surat	:	22

Dah 'merebak' ke Kuala Selangor

Kejadian ketukan pintu rumah pada waktu malam terus hantui penduduk

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

KUALA SELANGOR

Misteri ketukan pintu tanpa salam yang sebelum ini menghantui penduduk di beberapa kampung di daerah Sabak Bernam mula 'merebak' ke Tanjung Karang dan Kuala Selangor hingga menimbulkan ketakutan kepada penduduk setempat.

Seorang pekerja Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) yang menetap di Kampung Parit 3 Sungai Burong di sini diganggu dengan bunyi ketukan di hadapan pintu utama rumahnya kira-kira jam 1 pagi kelmarin.

Anuar Anal, 43, berkata, kejadian didengari semasa dia berada di bilik utama selepas keluar dari tandas.

"Belum sempat melelapkan mata, saya dikejutkan dengan bunyi ketukan kuat pada pintu rumah.

"Saya kemudian terus mengintai dari celah bawah pintu dan langsir tingkap, namun tidak nampak bayang sesiapa di depan rumah. Dalam hati ada juga terlintas adakah yang ketuk rumah saya pocong seperti yang kecoh di Sabak Bernam?" katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Katanya, semasa kejadian, isteri dan tiga anaknya sudah tidur dan perkara itu hanya diceritakan keesokannya.

Sementara itu, tular di saluran You-



Tular di platform YouTube seorang jiran ternampak kelibat lembaga berpakaian putih di Kampung Kuantan, Kuala Selangor semalam.

MISTERI KETUKAN PINTU

Tube kejadian seorang jiran ternampak lembaga berpakaian putih berdiri di jalan dalam kejadian di Kampung Kuantan di sini awal pagi semalam.

Video berdurasi 45 saat itu dimuat naik seorang Youtuber menggunakan akaun nama Pak Nil.

Menerusi deskripsi yang dimuat naik di platform itu menyatakan jiran yang ternampak makhluk menakutkan di atas jalan kemudian menghubungi jiran sebelah rumah.

"Jiran sebelah kemudian keluar dari rumah dan nampak kelibat sama sebelum masuk ke dalam rumah.

"Sejurus (jiran-sebelah) masuk (se-mula) ke dalam rumah, pintu (rumah) kena ketuk pula," katanya.



KERATAN AKHBAR 25 November 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Dua struktur haram di pinggir Sungai Rawang dirobohkan
Muka Surat	:	22

Dua struktur haram di pinggir Sungai Rawang dirobohkan



Operasi merobohkan bengkel jentera berat di Kampung Dato Lee Kim Sai semalam.

RAWANG - Dua daripada lapan struktur haram yang terletak di pinggir Sungai Rawang di Kampung Dato Lee Kim Sai di sini dirobohkan dalam operasi penguatkuasaan yang dijalankan semalam.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, struktur yang dirobohkan itu terdiri daripada dua bengkel penyelenggaraan jentera berat yang beroperasi di atas tanah kerajaan sejak lebih 15 tahun lalu.

Menurutnya, notis pengosongan ke atas semua pemilik tersebut telah dilaksanakan sejak September lalu sebelum tindakan penguatkuasaan dijalankan.

“Kita dapati ada lapan struktur haram di sepanjang Sungai Rawang, enam daripadanya adalah bengkel jentera berat dan dua kilang kitar semula.

“Hari ini (semalam) dua perobohan dijalankan disusuli tindakan sama secara berperingkat,” katanya pada si-

dang akhbar di lokasi di sini semalam.

Hadir sama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor.

Mengulas lanjut, Loy Sian berkata, tindakan penguatkuasaan yang dijalankan itu membuktikan ketegasan kerajaan negeri dalam menangani isu pencemaran air disebabkan operasi kilang haram berhampiran sungai.

“Jarak kilang dengan sungai terlalu dekat hanya beberapa kilometer sahaja. Sungai ini akan mengalir ke Sungai Sembah dan seterusnya ke Sungai Selangor yang jaraknya lebih kurang 20 kilometer.

“Kita fokus (penguatkuasaan) kepada bengkel jentera berat ini kerana mereka melakukan pencucian jentera yang melibatkan pelarut dan mengeluarkan minyak hitam mereka secara besar-besaran.

“Kalau mereka tak kendalikan dengan baik pelarut itu dan membuang minyak hitam terus ke sungai, ini yang mencemarkan sungai,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **25 November 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Penceroboh tanah kerajaan akan diambil tindakan
Muka Surat	:	22

Penceroboh tanah kerajaan akan diambil tindakan

RAWANG - Kerajaan Selangor melaksanakan perobohan struktur haram yang beroperasi tanpa kebenaran di atas tanah kerajaan dan rizab sungai.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, penguatkuasaan tersebut dimulakan di Selayang disusuli daerah lain dalam usaha mengatasi pencemaran sungai disebabkan kilang haram yang beroperasi berhampiran sungai.

“Selepas perobohan, pengusaha kilang yang beroperasi tanpa kebenaran juga akan diambil tindakan mengikut peruntukan sedia ada.

“Kita bawa bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang boleh menjalankan

pemeriksaan. Jika terdapat sisa berjadual atau kimia yang tidak diurus dengan betul, tindakan kompaun dan sebagainya boleh diambil,” katanya ketika hadir pada sesi taklimat operasi perobohan struktur haram di bangunan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) di sini semalam.

Amirudin berkata, kilang haram yang beroperasi atas tanah kerajaan tidak terlibat dalam program pemutihan dilaksanakan kerajaan negeri.

“Kilang yang berada atas tanah kerajaan perlu keluar (kosongkan tanah) atau mereka boleh kemukakan permohonan, tetapi jika duduk di rizab sungai memang kerajaan negeri tidak benar-benar,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	8 Kilang Haram Dirobohkan - Struktur Binaan Didirikan Berhampiran Sungai
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	RTM1
Tajuk Berita	:	Tangani Pencemaran Sumber Air - 2 Kilang Haram Berhampiran Tebing Sungai Diroboh
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Dua Kilang Haram Tepi Sungai Diroboh, Enam Lagi Menyusul
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Karnival Kerjaya Tidak Diskriminasi Latar Belakang – EXCO
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Peruntukan RM116,000 Manfaat 29 Rumah Anak Yatim Dan Kebajikan Selangor
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Pindaan Enakmen LUAS Kuat Kuasa Dalam Tempoh Sebulan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Pindaan Enakmen LUAS Lulus Dalam Tempoh Sebulan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	PKP Susah Dapat Dana, Bantuan Kerajaan Negeri Tepat Masanya
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Pusat Khidmat Bandar Utama Diturup, Pegawai Disyaki Positif Covid-19
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
24 November 2020

Akhbar	:	Selangor TV
